



PING PONG

PERATURAN PERMAINAN

SUKAN BEKALAN AIR SE-MALAYSIA



SBAM | 2023
KEDAH



SADA

PERATURAN PERMAINAN PING-PONG BERPASUKAN SUKAN BEKALAN AIR SE-MALAYSIA

Perkara 1: Nama

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Ping-pong Berpasukan Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

Perkara 2: Undang-Undang/Peraturan

1. Semua pertandingan hendaklah mengikut Undang-Undang (ITTF) Persatuan Ping-pong Malaysia (TTAM) dan Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.
2. Hanya penggunaan 'Water Based Glue' gam sahaja adalah dibenarkan.
3. Bola Pertandingan: Nittaku 3 Star, 40mm, 2.7gram berwarna putih akan digunakan sepanjang perlawanan.

Perkara 3: Penyertaan

Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi Perkara 5 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

Perkara 4: Kategori Permainan

Ping-pong berpasukan (Beregu Lelaki 1, Beregu Lelaki 2, Beregu Campuran).

Perkara 5: Pendaftaran dan Kelayakan Pemain

1. Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan. Setiap pasukan boleh mendaftar 1 pasukan seperti berikut.

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Pengurus Pasukan	1 Orang
2.	Jurulatih Pasukan	1 Orang
3.	Pemain Lelaki	5 Orang
4.	Pemain Wanita	1 Orang
5.	Simpanan	2 Orang
Jumlah		10 Orang

2. Hanya pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan bertanding di sepanjang pertandingan ini.
3. Setiap pemain hanya dibenarkan bermain dalam satu acara sahaja dalam setiap perlawanan.

Perkara 6: Acara/Format Pertandingan

1. Pertandingan dijalankan secara berpasukan.
2. Susunan perlawanan.
 - Perlawanan Pertama: Beregu Lelaki A.
 - Perlawanan Ke-2: Beregu Lelaki B.
 - Perlawanan Ke-3: Beregu Campuran.

Perkara 7: Pakaian Pertandingan

1. Pemain dikehendaki memakai pakaian sukan yang bersesuaian dan hendaklah mematuhi Perkara 9 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.
2. Peserta wanita bagaimanapun digalakkan memakai 'Track Bottom'.

Perkara 8: Sistem Pertandingan

1. Sistem pertandingan akan mengikut Perkara 8 Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.
2. Sistem kiraan mata bagi menentukan pemenang kumpulan adalah seperti berikut:
 - Menang: 2 mata.
 - Kalah: 0 mata.
3. Keseluruhan perlawanan akan ditentukan mengikut keputusan 11 mata/set dalam 5 set (3 perlawanan terbaik dari 5 perlawanan / Best of 5).
- ~~4. Kesemua 5 perlawanan hendaklah ditandingi walaupun sesuatu pasukan telah mendahului dengan keputusan memenangi 3 perlawanan.~~
5. Sekiranya berlaku persamaan mata dalam kumpulan, pemenang kumpulan akan ditentukan secara:
 - ~~a) Jika 2 atau lebih pasukan memperolehi mata yang sama, maka pasukan yang mengalahkan lawannya dikira menang;~~
 - i. Pasukan yang memenangi bilangan perlawanan yang banyak dikira menang 'Games Difference'.
 - ii. Jika masih seri, pasukan yang memenangi bilangan set terbanyak dikira menang 'Set Difference'.
 - iii. Jika masih seri, pasukan yang mendapat perbezaan mata terbanyak dikira menang 'Points Difference'.

- iv. Jika masih seri, pasukan yang mengalahkan lawannya akan dikira pemenang.
- ~~b) Diperingkat separuh akhir dan akhir perlawanan akan dimainkan mengikut keputusan 7 set (Best of 7) dan akan dihentikan sekiranya mana mana pasukan telah mendahului dengan kemenangan empat (4) perlawanan.~~

Perkara 9: Menarik Diri, Memberi Kemenangan Percuma dan Gagal Hadir

1. Perkara 11 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia digunapakai.
2. Pasukan yang mendapat kemenangan percuma akan diberi 2 mata dengan keputusan pertandingan 3-0.

Perkara 10: Bantahan

Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Perkara 16 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

Perkara 11: Keadaan Luar Jangka

Perkara 19 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia digunapakai.